

Dr M beri semangat kepada pemandu solo negara

Oleh **Meor Kamarul Shahid**

31/10/03

ALGIERS: Beliau menjelajah 27 negara di dua benua – Asia dan Afrika – pemandu solo negara, Shamsurrijal Abdul Jamil, tiba di sini, secara kebetulan sewaktu dengan lawatan rasmi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara ini.

Shamsurrijal, genap berusia 38 tahun kelmarin, yang memandu kereta Proton Satria 1.8 GT dalam misi menjelajah Jalur Gemilang II untuk memecahkan rekod dunia, mengambil kesempatan menemui Perdana Menteri sejeurus selepas Dr Mahathir selesai menghadiri Dialog Perniagaan Malaysia-Algeria, semalam.

Pada pertemuan singkat itu, Dr Mahathir mengucapkan tahniah dan memberi semangat kepada Shamsurrijal, selain bertanya mengenai misi perjalanannya. Antara lain, Perdana Menteri bertanya mengenai keadaan kereta buatan Malaysia bagi perjalanan jauh itu dan bagaimanaakah tayar ditukar sewaktu perjalanan.

asalkan halal, saya tidak pernah menolak kerana mahu menjaga hati mereka. Kita kena tunjuk kepada mereka bahawa rakyat Malaysia boleh diterima di mana-mana saja,” katanya.

Setakat ini, katanya, ramai rakyat di negara yang dilaluinya kagum dengan keupayaan kereta Malaysia yang bukan saja cantik tetapi tahan lasak.

“Ramai yang bertanya mengenai Dr Mahathir hinggakan pekerja di stesen minyak di sebuah kawasan terpencil mengenali Perdana Menteri,” katanya.

Pada setiap tempat yang dilaluinya, penduduk tempatan memberi sambutan yang menggalakkan, selain sokongan serta semangat sebelum meneruskan perjalanan.

Di Afghanistan, Tajikistan, Kazakhstan dan Kyrgyzstan, Shamsurrijal terpaksa memandu dalam salji tebal manakala di negara Timur Tengah, kereta Protonnya melalui cuaca panas setinggi 50 darjah Selsius.

Setakat ini, kereta yang sudah dipandu sejauh kira-kira 40,000 kilometer tidak mengalami seba-

Shamsurrijal akan meneruskan cabaran ke 90 negara lagi esok untuk mencipta rekod menjelajah 118 negara di enam benua dunia. Beliau memulakan pengembaraan itu pada 15 Februari lalu dan dijangka menamatkan cabaran pada 31 Ogos 2004.

Misi Jalur Gemilang pertama dilakukan Datuk Azhar Mansur yang belayar mengelilingi dunia secara solo.

Rekod pemanduan berkereta mengelilingi dunia dipegang Jim Roger dan Peigg Parker dari Amerika Syarikat yang memandu ke 111 negara dengan kereta pacuan empat roda dalam jangka masa tiga tahun.

Bercakap kepada wartawan Malaysia di sini, Shamsurrijal menceritakan pengalamannya sepanjang perjalanan yang menempuh padang pasir dan gunung-ganang sebelum tiba di Algeria.

Ketika serangan Amerika ke atas Iraq, beliau berada di Asia Tengah dan agak kecewa kerana tidak dapat memasuki Iraq atas sebab keselamatan.

Beliau sering tidur di tepi jalan atau menumpang di rumah penduduk tempatan untuk melepaskan penat-lelah, termasuk mandi. Pada kebanyakan persinggahan itu, Shamsurrijal dipelawa makan oleh penduduk tempatan.

“Walaupun makanan mereka agak berbeza dengan selera kita,

rang masalah teruk, melainkan masalah kecil yang mampu dibaiki sendiri.

Sepanjang enam bulan perjalanan bersendirian itu, beliau sering menghadapi masalah sewaktu memasuki sempadan sebuah negara.

“Ada yang menuduh saya sebagai ejen perisikan negara tertentu atau pembawa SARS. Saya pernah ditahan selama lima jam sebelum dilepaskan setelah mengetahui niat perjalanan saya,” katanya.

Pada setiap destinasi utama yang disinggahinya, Shamsurrijal mendapatkan pengesahan daripada pihak berkuasa tempatan seperti balai polis atau pejabat pos, selain bukti gambar dan video perjalanan. Beliau juga mengunjungi setiap pejabat Kedutaan Malaysia di negara yang disinggahi.

“Setakat ini, saya amat kagum dengan keindahan pemandangan di Afghanistan. Tetapi, Malaysia masih mempunyai keindahan tersendiri yang sukar ditandingi.

“Untuk melepaskan kerinduan kepada isteri dan empat anak, saya sering menelefon atau menghantar e-mel kepada mereka,” katanya yang akan meneruskan perjalanan ke Tunisia menuju Itali dan seterusnya Eropah.

Catatan perjalanan Shamsurrijal boleh diikuti dalam *Berita Minggu* atau laman web www.jgii.skali.com.